

# Daim tidak akan ditangkap, bebas ke mana-mana: Dr M

BH 23 JUN 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat – Pihak berkuasa tidak akan menahan Tun Daim Zainuddin dan bekas Menteri Kewangan itu bebas ke mana-mana, termasuk ke luar negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Beliau tidak akan ditangkap, jadi

beliau boleh ke luar negara, tidak ada sebarang sekatan,” kata Perdana Menteri ketika ditanya mengenai kedudukan Daim yang dikatakan berada di luar negara sekarang.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mengetahui di mana bekas

Menteri Kewangan itu sekarang, tetapi menjelaskan Daim pernah memberitahu dilema yang akanhadapinya jika meninggalkan negara.

“Dia (Daim) berkata akan timbul masalah baginya iaitu sekiranya beliau ke luar negara, media akan

berkata beliau mengelak daripada ditangkap,” kata Dr Mahathir ketika sidang akhbar pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno, hari ini.

Sambil menegaskan tiada sebarang sekatan dikenakan terhadap Daim, Dr Mahathir sempat menyindir war-

tawan kerana akhirnya berjaya ‘memaksa’ beliau membuat kenyataan mengenai bekas Menteri Kewangan itu.

“Ini yang awak (wartawan) mahu...

**LIHAT MUKA 2**

## bekerja

### DARI MUKA 1

betul tak? Anda bertanya soalan berpusing-pusing (round about). Ini yang mereka belajar di Sekolah Komunikasi. Saya tidak ke sekolah untuk belajar sains politik, saya seorang doktor,” katanya.

Mengenai teguran perwakilan terhadap pemimpin yang tidak menemui penduduk kampung, Dr Mahathir berkata, semua pemimpin Umno bekerja.

“Kita bekerja tetapi apabila saya pergi ke kampung, ia dilaporkan oleh semua akhbar, tetapi jika menteri lain pergi, akhbar tidak melaporkannya,” katanya sambil meminta media melaporkan jika anggota Kabinet menemui penduduk kampung.

Perdana Menteri berkata, pemimpin yang dilantik menjawat jawatan, dipilih oleh parti dan beliau menghormati keputusan itu.

“Jika mereka (perwakilan) tersilap pilih sebelum ini, mereka boleh pilih orang lain pada masa depan,” katanya.

Mengenai peruntukan kepada bahagian, Dr Mahathir berkata, ibu pejabat Umno akan menyalurkan bantuan sekiranya mempunyai peruntukan.

Beliau berkata, parti tidak membenarkan bahagian mengutip wang, kecuali perhubungan Umno negeri dan sekiranya tidak cukup, ibu pejabat akan menambah peruntukan.